

MAI 1.0 UMS dapat sambutan memberangsangkan

UB 11.3.2018 A2
PUTRAJAYA: Majlis Taklimat Model Alumni Inspirasiku (MAI) 1.0 dan Program Ramah Mesra anjuran Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapat sambutan memberangsangkan dalam kalangan alumni keluaran pertama (1999) di Semenanjung Malaysia.

Bertempat di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini baru-baru ini, program itu dianjurkan dengan kerjasama Alumni UMS Chapter Putrajaya dan turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Tun Azmi.

Dalam ucapannya Tun Zaki berkata, alumni merupakan aset yang penting dalam membantu kecemerlangan sebuah universiti.

“Alumni boleh menyumbang dalam pelbagai cara kepada UMS seperti idea, program-program bersama dan perkongsian bijak dalam perniagaan mahupun kepakaran,” katanya sambil mengambil beberapa contoh kejayaan universiti luar negara hasil sumbangan dan kegemilangan alumninya.

Sehubungan itu, beliau turut mencabar Alumni UMS Chapter Putrajaya mendaftarkan sekurang-kurangnya 1,000 orang Alumni UMS di sekitar Lembah Klang pada tahun 2018.

Sementara itu, Pengarah Pusat Alumni UMS Darwis Awang dalam taklimatnya meminta Alumni UMS



TUN Zaki ketika menyampaikan ucapan kepada para alumni yang hadir.

Chapter Putrajaya melihat peluang-peluang yang tersedia sebagai landasan untuk menjalin perkongsian bijak dengan UMS.

“Untuk itu saya ingin memberi Petunjuk Prestasi

Utama (KPI) kepada alumni UMS Chapter Putrajaya untuk menganjurkan dua program berimpact tinggi dan dua program kemasyarakatan sepanjang tahun 2018 selain menyumbang satu artikel dan

satu rakaman video berkaitan kegiatan alumni chapter ini pada setiap bulan.

“KPI ini dilihat sekali gus mampumencapaiobjektif MAI 1.0 iaitu sentiasa berhubung (*stay connected*), keterlibatan



ANTARA alumni yang hadir pada taklimat MAI 1.0 di Putrajaya.

dan keterlibatan alumni dan penjanaan kewangan,” katanya.

Hadir sama pada program itu Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Dr. Mohamad Puad

Pengerusi Majlis Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS merangkap Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Dr. Mohamad Puad

Bebit, Pengerusi Alumni UMS Chapter Putrajaya Mohamad Farisal Mohammad Syawal dan Pengerusi Alumni UMS Chapter Lembah Pantai Kuala Lumpur Syafiq Ridzwani Jamaluddin.